




R



*SEMINAR SYARIAH  
KE ARAH MEREALISASIKAN  
UNDANG-UNDANG ISLAM  
DI MALAYSIA  
16 — 17 JUN 1987*

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI SISI  
PERLEMBAGAAN MALAYSIA

*OLEH*  
PROF. MADYA DATO' NIK ABD RASHID NIK ABDUL MAJID  
FAKULTI UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYA

*TEMPAT*  
DEWAN KULIAH I INSTITUT PENGAJIAN TINGGI  
UNIVERSITI MALAYA

*ANJURAN*  
FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

## MUKADDIMAH

NAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH

Tahun 1987 ini genaplah 30 tahun kita merdeka. Tiga puluh tahun adalah suatu tempoh yang pendek bagi orang yang aktif melakukan sesuatu pembangunan, sama ada pembangunan rohani atau fizikal. Walaupun begitu, tempoh ini adalah amat panjang bagi orang yang tidak aktif -- orang atau

Kumpulan **KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI SISI  
PERLEMBAGAAN MALAYSIA**

Kuasa untuk melakukan sesuatu adalah terletak di atas suatu kumpulan kecil manusia yang dinamakan "pemimpin negara". Kadang kala

OLEH

PROF. MADYA DATO' NIK ABD RASHID NIK ABDUL MAJID  
FAKULTI UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYA

kuasa itu berada di atas orang, dan acap kali di atas seorang manusia sahaja. Dialah yang akan menentukan segalanya -- hitam, putih atau kelabu. Acap kali corak dan warna itu akan mengikut warna politiknya, kepercayaannya, pendapatnya, latar belakang ugamanya, komitmennya terhadap agama Islam dan sebagainya.

Singga kini, agama Islam di Malaysia telah di "politicise" kan oleh pemimpin-pemimpin politik mengikut selera mereka dan bukannya mengikut kehendak Allah. Sudah semestinya, apabila suatu isu itu

## MUKADDIMAH

'NAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH'

Tahun 1987 ini genaplah 30 tahun kita merdeka. Tiga puluh tahun adalah suatu tempoh yang pendek bagi orang yang aktif melakukan sesuatu pembangunan, sama ada pembangunan rohani atau fizikal. Walaupun begitu, tempoh ini adalah amat panjang bagi orang yang tidak aktif -- orang atau kumpulan orang yang tidak berbuat sesuatu.

Kuasa untuk melakukan sesuatu adalah terletak di atas suatu kumpulan kecil manusia yang dinamakan "pemimpin negara". Kadang kala kuasa itu diletakkan atas beberapa orang, ada kalanya di atas dua, tiga orang, dan acap kali di atas seorang manusia sahaja. Dialah yang akan menentukan segala-galanya -- hitam, putih atau kelabu. Acap kali corak dan warna itu akan mengikut warna politiknya, kepercayaannya, pendapatnya, latar belakang ugamanya, komitmennya terhadap agama Islam dan sebagainya.

Hingga kini, agama Islam di Malaysia telah di"politicise"kan oleh pemimpin-pemimpin politik mengikut selera mereka dan bukannya mengikut kehendak Allah. Sudah semestinyalah, apabila suatu isu itu

di"politicise"kan, maka ada sahaja sebab-sebab dan alasan yang diberikan. Ini tidak boleh dibuat kerana ini dan ini, dan ini boleh dibuat atas sebab ini dan ini.

Sejarah telah membuktikan bahawa dalam empat era selepas merdeka -- era 1957-1971, 1971-1976, 1976-1981 dan 1981-1987 -- Islam telah melalui beberapa proses gelombang dan perkembangan. Dalam era pertama 1957-1971, arak menjadi minuman penting dalam Majlis Jamuan Negara atau Jamuan Rasmi, di mes tentera dan polis dan di mana-mana sahaja, seolah-olah Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia tidak berbeza dengan England atau Amerika Syarikat. Sebaliknya, dalam bulan puasa, pejabat kerajaan telah ditutup lebih awal pada jam 2.00 petang dan bukan pada jam 4.30 petang seperti biasa. Ugama telah ditakrifkan sebagai soal peribadi dan bukan soal negara.

Dalam era kedua 1971-1976, arak telah dihapuskan dalam Majlis Rasmi dan Jamuan Negara, tetapi masih diteruskan di mes polis dan askar. Judi berkembang dengan Toto dan Empat Ekor, jam bekerja di bulan puasa adalah sama dengan bulan-bulan lain. Bilangan masjid bertambah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) ditubuhkan.

Dalam era ketiga 1976-1981, tidak banyak perbezaan dengan era

kedua, seolah-olah kedua-dua era itu ialah era adik-beradik dalam mengimplementasikan hukum-hukum Islam. Walau bagaimanapun, seorang menteri penuh telah dilantik dan dipertanggung jawabkan di atas segala hal ehwal Islam. Menteri itu dinamakan Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri.

Banyak perkembangan dan perubahan berlaku dalam era keempat, 1981-1987. Era ini telah menyaksikan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Takaful, Kursus Tamadun Islam diwajibkan di institusi-institusi pengajian tinggi, dan penerapan nilai-nilai Islam mula ditonjolkan dengan lebih berani. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) ditubuhkan.

MELAYU DAN ISLAM

Di bawah Perlembagaan Malaysia, istilah "Melayu" dan Islam adalah sinonimus : Salah satu syarat untuk menjadi Melayu mestilah beragama Islam (Perkara 160). Jika ada orang berketurunan Melayu beragama selain dari Islam, maka dari segi undang-undang perlembagaan, ia bukanlah Melayu. Ini bukanlah bermakna setiap orang Islam itu Melayu, ada orang Islam dari keturunan India, Cina dan lain-lain, walaupun mereka Islam, mereka bukanlah Melayu.

Perlembagaan negeri-negeri yang mempunyai Raja-raja Melayu juga menetapkan beberapa jawatan mestilah dipegang oleh orang Melayu beragama Islam. Untuk menjadi Raja atau Permaisuri mestilah berdarah raja, berketurunan Melayu dan beragama Islam. Begitu juga dengan bakal Raja, Raja Muda atau Tengku Mahkota dan Permaisuri masing-masing. Jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga hendaklah disandang oleh orang Melayu beragama Islam.

Tetapi Perlembagaan Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak tidak menyebut apa-apa mengenai keturunan dan agama. Sesiapa sahaja boleh menjadi Gabenor, Ketua Menteri atau Setiausaha Kerajaan. Gabenor Melaka

yang pertama ialah Tun Leong Yew Koh, seorang Cina. Manakala jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak pernah disandang oleh ~~bukan~~ Melayu sejak merdeka.

Syarat untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia tidak disebut dalam perlembagaan. Oleh itu, sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri, sama ada ia seorang Melayu atau bukan Melayu, sama ada ia seorang Islam atau bukan Islam, asalkan ia mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Rakyat dan dilantik oleh Yang diPertuan Agong mengikut budi bicaranya.

Istilah "Bumiputera" pula tidak dijadikan asas bagi istilah "Melayu". Semua orang Melayu adalah Bumiputera, tetapi bukan semua Bumiputera adalah Melayu. Semua orang Melayu mestilah beragama Islam, tetapi tidak semestinya semua orang Islam itu Melayu atau Bumiputera.

Begitulah kedudukan Melayu dan Islam dalam Perlembagaan Malaysia dan perlembagaan-perlembagaan negeri.

## III

RAJA-RAJA SEBAGAI KETUA UGAMA ISLAM

Ugama Islam ialah ugama Persekutuan, tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan.

[ Dalam 9 buah negeri yang mempunyai Raja, Perkara 3 Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa raja-raja adalah Ketua Ugama Islam dalam negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Yang diPertuan Agong adalah Ketua Ugama Islam. ]

Walaupun ada Pemangku Raja bagi sesebuah negeri yang mana rajanya dilantik sebagai Yang diPertuan Agong, Yang diPertuan Agong sebagai Raja bagi negeri itu masih menjalankan kuasanya sebagai Ketua Ugama Islam dan Pemangku Raja tidak mempunyai kuasa dalam hal ini. Umpamanya, pada masa ini Yang diPertuan Agong yang kelapan adalah Raja Johor dan kuasa pentadbiran bagi negeri Johor telah diserahkan kepada Pemangku Raja. Namun demikian, Yang diPertuan Agong sebagai Raja Johor masih menjalankan kuasa ugama bagi negeri Johor.



Perlembagaan negeri-negeri yang mempunyai Raja juga menetapkan bahawa Raja masing-masing adalah Ketua Ugama Islam bagi negeri itu. Walau bagaimanapun, Perlembagaan negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak menetapkan bahawa Yang diPertuan Agong adalah Ketua Ugama Islam bagi negeri-negeri itu.

Perlembagaan Negeri Terengganu dan segala Jajahan Takluknya

Perkara LVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, yang sekarang masih berkuat kuasa adalah suatu peruntukan yang mustahak dirujuk untuk renungan kita bersama :

Perlembagaan Negeri Johor dan Terengganu

" Sesungguhnya, apa yang dinamakan ' Ugama Negara ' ( State religion ) bagi negeri Johor dan segala Jajahan Takluknya ialah ugama Islam dan dalam hal sedemikian itu, ugama Islam hendaklah terus dan selama-lamanya diiktiraf sebagai ugama negara dan dirujuk sebagai ugama negara, iaitu tidaklah boleh mana-mana ugama lain dijadikan ugama negara atau dirujuk sebagai ugama negara bagi negeri ini, walaupun segala ugama lain dibenarkan dan boleh dibenarkan sekiranya sesuai dan patut dibenarkan, diamalkan secara aman dan sejahtera oleh orang-orang yang menganut ugama sedemikian di mana-mana bahagian dalam negeri Johor dan segala Jajahan Takluknya."

Perlembagaan Negeri Terengganu dan segala Jajahan Takluknya

Bab Lima Puluh Satu Perlembagaan Negeri Terengganu, 1911 berbunyi :

" Sesungguhnya dengan ini diisytiharkan, dimaktubkan dan ditubuhkan bagi

setiap masa dan ketika, bahawa Kerajaan Terengganu ini adalah Kerajaan Islam yang menganut agama Islam dalam Malaya dan ianya dipanggil agama negara dan agama rasmi dan bahawasanya, tiada agama lain sekalipun boleh ditubuhkan atau dirujukkan sebagai agama negara, walaupun seberapa ramai sekalipun penganut dari bangsa lain atau keturunan lain yang dilindungi dan bernaung di bawah negeri Terengganu dan segala Jajahan Takluknya. " (Lirikh

Inilah dua contoh yang menunjukkan keagungan agama Islam sebagai mana yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Negeri Johor dan Terengganu yang dibuat sebelum merdeka. Alangkah bahagianya jika Pelembagaan Malaysia dapat mencontohi kedua-dua perlembagaan negeri ini.

#### Kuasa Majlis Raja-raja Mengenai Agama

Perkara 38 Perlembagaan Malaysia telah membuat peruntukan mengenai Majlis Raja-raja. Selain dari tugas-tugas negara, Majlis Raja-raja juga mempunyai kuasa untuk mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama yang meliputi seluruh Persekutuan dan Majlis Raja-raja Dalam apa-apa upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang raja hendaklah atas sifatnya sebagai ketua Agama Islam bagi negeri itu membenarkan Yang diPertuan Agong

mewakilinya. Ini termasuklah menetapkan tarikh puasa, Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, melihat anak bulan dan apa-apa perkara mengenai agama Islam.

Pada umumnya Pemegang Mohor Besar Raja-raja Melayu adalah diberi kuasa untuk membuat apa-apa pengumuman mengenai sama ada tarikh puasa atau Hari Raya Puasa dibuat secara Hisab atau melihat anak bulan dan juga di tempat mana telah dipersetujui untuk melihat anak bulan itu

Janganlah hendaknya kuasa Raja-raja dihadkan kepada perlantikan pegawai-pegawai agama, penentuan awal puasa dan hari raya sahaja. Banyak lagi tugas-tugas agama yang lebih penting yang boleh diserahkan kepada Raja-raja.

Institusi Raja boleh digunakan untuk perpaduan ummah di kalangan rakyat seluruhnya. Sepatutnya tidak ada sembahyang dua imam, dua Khutbah Jumaat dalam satu masjid, dua masjid berhampiran dan sebagainya, jika Raja masuk campur tangan atas sifatnya sebagai Ketua Ugama Islam. Dengan campur tangan Raja sebagai Ketua Ugama Islam, umat Islam boleh disatupadukan, jika tidak dalam politikpun, sekurang-kurangnya dan bidang sosial dan kemasyarakatan.

## IV

UGAMA DAN POLITIK

Dunia hari ini mem"politicise"kan segala-galanya; ekonomi, sosial, politik, sukan, kebudayaan, bahkan ugamapun di"politicise"kan oleh ahli-ahli politik, kerana menurut takrifan mereka politik adalah sebahagian dari hidup.

Dalam banyak hal, politik adalah lebih baik untuk setengah golongan, tetapi buruk untuk golongan yang lain. DEB adalah merupakan instrumen politik untuk kebaikan ekonomi dan sosial bagi Bumiputera tetapi mengikut pemimpin politik bukan Bumiputera, DEB tidak akan membawa kebaikan ekonomi dan sosial kepada bukan Bumiputera.

Politik banyak bergantung kepada undi dan populariti. Apabila populariti diberi keutamaan, maka prinsip akan tergedai malah terjual. Ketegasan akan tercemar atau hilang dinodai oleh undi.

Alhamdulillah, Perlembagaan telah menetapkan bahawa kuasa mengenai ugama adalah terletak pada Raja dan bukan pada kerajaan. Hingga kini, Raja-raja tidak menggunakan sepenuhnya kuasa ini untuk kemajuan Islam. Adalah difikirkan sudah sampailah masanya bagi Raja-raja

menggunakan kuasa ini dengan sepenuhnya kerana Raja-raja tidak bergantung pada undi. Ahli-ahli politik yang segan silu untuk mengambil sesuatu tindakan secara tegas boleh berselindung di bawah perlembagaan, dengan memberi alasan bahawa tindakan itu adalah tindakan diRaja di bawah perlembagaan.

Peraturan mengenai pembinaan rumah ibadat yang wujud pada hari ini merugikan orang Islam. Jika orang Islam ingin mendirikan masjid, mereka mestilah mendapat kebenaran dari Majlis Ugama Islam, dan pihak Majlis tidak akan membenarkan jika sudah ada masjid di kawasan itu. Adalah menjadi suatu kesalahan yang boleh membawa kepada denda atau penjara jika mendirikan masjid tanpa kebenaran. Yang anehnya, tidak ada kawalan bagi ugama lain untuk mendirikan rumah ibadat mereka, kecuali oleh Kerajaan Tempatan. Inilah sebabnya kita lihat dalam negara Islam, Kuil Hindu dan Tokong Buddha tumbuh seperti cendawan di mana-mana sahaja, hatta di bawah pokok besar dan di tepi jalan sekalipun, kerana penganut boleh berbuat sesuka hati, tetapi untuk mendirikan masjid, kawalan ketat telah dikenakan.

Walaupun telah ada usaha untuk mengawal pembinaan rumah-rumah ibadat, namun keputusan tidak dapat dibuat kerana pilihanraya parti komponen kerajaan dan pilihanraya kebangsaan boleh dikatakan ada sahaja

sepanjang tahun, dan masalah kawalan pembinaan kuil dan tokong adalah masalah sensitif beberapa parti komponen. Akhirnya dari setahun ke setahun, bilangan kuil dan tokong akan mengatasi bilangan masjid dalam sebuah negara Islam.

Inilah akibatnya politik campur tangan dalam agama, dan pemimpin politik Islam yang mempunyai kuasa untuk mengawal tidak berani kerana takut hilang undi, dan mereka takut calon parti lawan atau pembangkang akan menggunakan isu agama itu untuk mendapat sokongan pengundi. Mereka inilah yang menggadai prinsip dan ketegasan serta kesucian agama Islam dengan undi dan populariti.

Adalah diingatkan bahawa Perkara 3 Perlembagaan Malaysia berbunyi :  
 " Islam ialah agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni dalam mana-mana bahagian dalam Persekutuan. "  
 Ini bererti bahawa agama-agama lain boleh diamalkan secara aman jika tidak mengganggu ketenteraman awam dan tidak menyakitkan hati penganut agama-agama lain. Kebebasan beragama tidaklah boleh diertikan bahawa seseorang itu bebas mendirikan kuil dan tokong di mana-mana sahaja yang ia suka kerana kebebasan sedemikian itu akan membawa kepada kekacauan dan huru-hara.

BEBERAPA ISU POKOK : TEPUK DADA TANYA SELERA

4 Selaras dengan peruntukan Perlembagaan, beberapa isu pokok diketengahkan untuk perbincangan bersama supaya dengan itu kedudukan agama Islam dapat dimantapkan dengan sewajarnya.

- 1 Adakah pemimpin-pemimpin dan majoriti rakyat negara ini ingin mencari keridhaan Allah, atau cuma ingin mentadbirkan negara ini mengikut kemahuan dan arus politik dengan mengutamakan undi dan populariti daripada kebenaran dan hak? Jika kita ingin mencari keridhaan Allah, maka banyak undang-undang yang bercanggah dengan Islam perlu dipinda.
- 2 Adakah kita ingin dikenali di mata dunia sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama atau sebagai sebuah negara Islam, tanpa menghiraukan cemuhan dari negara-negara anti-Islam?
- 3 Setakat mana kita ingin bertolak ansur di antara politik manusia dan kehendak Allah dalam menegakkan hukum Allah? Adakah kita sanggup mengorbankan dan membelakangkan agama Islam kerana sebab-sebab ekonomi dan politik? Seperti riba, judi (kasino, lumba kuda, loteri, toto),

arak maksiat (seperti Hollywood East), kerana negara akan kehilangan banyak hasil dan punca kewangan jika riba', judi dan arak diharamkan.

Tidak boleh di... yang... Tidakkah boleh kita

4. Apakah peranan negara dalam perkembangan ugama-ugama lain, dan apakah batasan yang harus dikenakan ke atas kebebasan perkembangan ugama-ugama lain ?

Tidak boleh... yang lebih mengenai ugama

5. Tidakkah boleh hari Jumaat dijadikan hari cuti bagi 8 buah negeri lain selaras dengan negara Islam dan negeri-negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu ? Sudah sampailah masanya bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja, iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pahang menukar hari cuti kepada hari Jumaat. Jika 4 buah negeri itu menukarkannya, maka amat mudah sekali bagi Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak menukarnya.

Walaupun... yang...

6. Tidakkah boleh Sahibus-Samahah Mufti negeri dijadikan ahli Ex-Officio Dewan Undangan Negeri dan Ex-Co. negeri-negeri untuk memberi nasihat ugama atas segala tindakan kerajaan ?


7. Tidakkah boleh suatu perancangan jangka pendek dan jangka panjang dibuat untuk penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dengan memberi suatu tempoh (10-20 tahun) seperti Dasar Ekonomi Baru ?



8. Kita lebih banyak bertoleransi dan bertolak-ansur, dan dalam tolak-ansur itu kita yang selalunya kena tolak. Tidakkah boleh kita menegakkan mana yang hak tanpa bertolak ansur ? Islam adalah agama yang banyak bertoleransi, tetapi tidak atas isu pokok dan isu prinsip.

9. Tidakkah boleh Raja-raja diberi kuasa yang lebih mengenai agama kerana kuasa itu sudah ada pada baginda ? Kedudukan Raja-raja tidak bergantung kepada undi dan populariti. Oleh itu Raja-raja boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menegakkan dan mendaulatkan Islam daripada ahli-ahli politik.

10. Negara yang kuat menganuti sesuatu agama tidak memerlukan banyak undang-undang bertulis untuk mengawal tindak-tanduk manusia. Oleh itu wajarlah bagi Malaysia menjadikan Islam sebagai Ad-Din untuk semua rakyatnya kerana prinsip yang ada pada Islam ialah prinsip-prinsip universal.

  
UNDANG-UNDANG YANG BERCAANGGAH DENGAN HUKUM SYARIAH

1. Betting Ordinance 1953 (Ordinance 47/1953)
2. Betting & Sweepstake Duties Act, 1948  
(Rev. 1978) (Act 201)
3. Common Gaming Houses Act 1953 (Rev. 1983) (Act 289)
4. Law Reform (Eradication of Illicit Samsu) Act, (Act 65)
5. Gaming Tax Act, 1972
6. Human Tissues Act, 1974 (Act 131)
7. Insurance Act 1963 (Rev. 972) (Act 89)
8. Lotteries Act 1952, (Rev. 1983) (Act 288)
9. Moneylenders Ordinance 1951, (Ordinance 42/1951)
10. Pawnbrokers Act 1972 (Act 81)
11. Pool Betting Act 1967 (Act 72/1967)
12. Racing Club (Public Sweepstaken) Act 1965 (Act 44/1965)
13. Racing (Totalisator Board) Act 1961 (Act 10/1961)
14. Social & Welfare Services Lotteries Board Act 1952 - 60  
(Rev. 1981) (Act 252)

Dato' Nik Abdul Rashid.

DEWAN KULIAH I INSTITUTE PENGAJIAN TINGGI  
UNIVERSITI MALAYA

FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR